



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

E-BULETIN ACIS UITM CPP

LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU


Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI
2024**



WAKAF ILMU

PUJIAN YANG MEMBINASAKAN



Penulis: Ustaz Hisyam bin Mohd Radzi

Koordinator Prasiswazah / Pensyarah Kanan ACIS UiTM CPP

Abu Bakrah radhiyallahu'anhu meriwayatkan bahawa:

أَثْنِي رَجُلًا عَلَى رَجُلٍ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: وَيْلَكَ! قَطَعْتَ عُنُقَ صَاحِبِكَ، قَطَعْتَ عُنُقَ صَاحِبِكَ، مِرَارًا، ثُمَّ قَالَ: مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَادِحًا أَخَاهُ لَا مَحَالَةَ، فَلْيُقَلِّ: أَحْسِبُ فَلَانًا، وَاللَّهِ حَسِيبُهُ، وَلَا أُزَكِّي عَلَى اللَّهِ أَحَدًا، أَحْسِبُهُ كَذَا وَكَذَا، إِنْ كَانَ يَعْلَمُ ذَلِكَ مِنْهُ.

Seorang lelaki memuji lelaki lain di hadapan Nabi Muhammad sallallahu'alaihiwasallam, lalu Baginda bersabda: "Celaka engkau! Engkau telah memotong leher sahabatmu, engkau telah memotong leher sahabatmu," Baginda mengulangnya beberapa kali. Kemudian Baginda bersabda: "Sesiapa di antara kamu yang ingin memuji saudaranya, maka hendaklah dia berkata: 'Saya kira si fulan begini dan begitu, dan Allah-lah yang menilainya. Saya tidak menganggap suci sesiapa pun di hadapan Allah. Saya kira dia begini dan begitu,' jika dia memang mengetahui hal itu tentangnya."

Hadis riwayat al-Bukhari; no. 2662

Memuji orang dengan kebaikan atau mencela mereka dengan keburukan adalah perkara yang serius dalam Islam. Syariat ini telah menetapkan garis panduan khusus untuk hal ini. Islam menjadikan pengetahuan yang baik tentang orang yang ingin disifatkan sebagai syarat untuk menggambarkannya dengan baik atau buruk.


Syariat ini juga memberi ancaman terhadap individu yang menyifatkan seseorang dengan sifat yang tidak ada padanya. Dalam Islam, memuji seseorang pada dasarnya dibolehkan, namun ada beberapa syarat yang perlu diperincikan.

Pujian tersebut haruslah berdasarkan kebenaran bukan pembohongan. Selain itu, pujian tidak boleh menimbulkan fitnah atau menyebabkan orang yang dipuji menjadi sombong.

Dalam hadis ini, Abu Bakrah Nufai' bin Al-Harith radhiyallahu'anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki memuji lelaki lain di hadapan Nabi sallallahu'alaihiwasallam. Nabi sallallahu'alaihiwasallam berkata kepadanya "Celaka engkau!"

Ini adalah ungkapan yang tidak diertikan sebagai doa buruk terhadap seseorang akan tetapi dimaksudkan sebagai teguran atau dorongan untuk sesuatu. Ia adalah ungkapan belas kasihan dan simpati yang diucapkan kepada seseorang yang telah jatuh ke dalam kebinasaan yang tidak layak diterimanya.

Ungkapan "Engkau telah memotong leher sahabatmu." bermaksud engkau telah membinasakan dan mencelakakannya. Hal ini kerana pujian itu mungkin membawanya kepada keangkuhan dan kesombongan.



Nabi sallallahu'alaihiwasallam mengulangi ungkapan "Engkau telah memotong leher sahabatmu" beberapa kali sebagai amaran dan peringatan akan bahayanya perkataan tersebut.

Kemudian Nabi sallallahu'alaihi wasallam menjelaskan jika seseorang perlu memuji kerana keadaan menuntut pujian yang sah disisi syariat seperti mengesahkan kesaksian saksi atau perlu memuji untuk kepentingan yang lainnya, maka hendaklah dia berkata:

"Saya kira si fulan begini, dan Allah-lah yang menilainya. Saya tidak menyucikan sesiapapun di hadapan Allah. Saya kira dia begini dan begitu, jika dia memang mengetahui hal itu tentangnya."

Oleh itu janganlah kita ketika memuji menyatakan secara yakin dan pasti tentang hal seseorang sebaliknya katakanlah;

"Saya kira dia seorang lelaki yang adil," atau "soleh," atau "murah hati" misalnya. Jangan menetapkan secara pasti atau menegaskan tentang akibat seseorang sama ada baik atau sebaliknya, kerana Allah mengetahui rahsianya dan Dialah yang akan membalasnya; jika baik maka baiklah, dan jika buruk maka buruklah. Jangan katakan: "Saya yakin" atau "Saya pasti dia baik," dengan penuh keyakinan.

Imam al-Ghazali menyebutkan enam kerosakan yang boleh timbul akibat memuji secara berlebihan :

1. Keburukan kepada orang yang memuji :
 - Risiko melampau sehingga berbohong
 - Boleh membawa kepada riya' dan kemunafikan
 - Memuji tanpa mengenali keadaan sebenar orang yang dipuji
 - Menyebabkan orang zalim atau fasiq berasa gembira dan terus dalam kefasikan
2. Keburukan kepada orang yang dipuji :
 - Boleh menyebabkan takbur dan 'ujub
 - Boleh mengurangkan kesungguhan dalam beramal kerana merasa sudah cukup baik

Namun Imam al-Ghazali juga menyatakan bahawa terdapat pengecualian dalam hal ini. Kata beliau :

أَمَّا إِذَا سَلِمَ الْمَدْحُ مِنْ هَذِهِ الْآفَاتِ
فِي حَقِّ الْمَادِحِ وَالْمَمْدُوحِ لَمْ يَكُنْ
بِهِ بَأْسٌ، بَلْ رُبَّمَا كَانَ مَنَّوْبًا إِلَيْهِ

Maksudnya: Adapun sekiranya seseorang itu berasa selamat daripada beberapa keburukan di atas ini, sama ada pada yang memuji atau dipuji, maka tidak ada masalah pada pujian bahkan boleh jadi ia dituntut untuk melakukannya. Lihat Ihya' Ulum al-Din, al-Ghazali (3/233).

Selain itu bagi mengelakkan individu yang dipuji terkesan dengan akibat negatif daripada pujian maka digalakkan untuk mengamalkan doa ini. 'Adi bin Arthah meriwayatkan :

كَانَ الرَّجُلُ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا زُجِّي قَالَ: اللَّهُمَّ
لَا تُؤَاخِذْنِي بِمَا يَقُولُونَ، وَاعْفِرْ لِي
مَا لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dahulu ada seorang sahabat Nabi sallallahu'alaihi wasallam, yang apabila dia dipuji beliau mengucapkan: "Ya Allah, jangan Engkau menghukumku disebabkan pujian yang dia ucapkan, ampunilah aku, atas kekurangan yang tidak mereka ketahui".

Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad no. 761

Semoga Allah membantu kita dalam usaha untuk menghiasi diri dengan akhlak yang mulia lagi terpuji. Dalam keghairahan kita memuji seseorang jangan jadikan pujian yang membinasakan sebaliknya jadikanlah pujian yang menambah iman dan amal soleh.





اِنْبُوْا سَبِيْلِيْ تَكُوْنُوْا لِيْ مِنْ اُمَّةٍ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.